

Tun M terima anugerah tertinggi Pakistan
Astro Awani
23 Mac 2019
Harits Asyraf Hasnan,

ISLAMABAD: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dianugerahi Nishan-e-Pakistan atau 'Order of Pakistan' - yang merupakan anugerah awam tertinggi oleh Kerajaan Pakistan.

Anugerah yang disampaikan oleh Presiden Pakistan, Dr Arif Alvi pada Jumaat seiring sumbangan Dr Mahathir kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan ASEAN.

Majlis penganugerahan yang berlangsung di Istana Presiden, Aiwan-e-Sadr itu dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Hadir sama pada majlis itu adalah Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan.

Nishan-e-Pakistan merupakan anugerah awam tertinggi yang dikurniakan oleh Kerajaan Pakistan kepada pemimpin yang menyumbang kepada pembangunan negara dan rakyat Pakistan termasuk di peringkat antarabangsa.

Dr Mahathir serta delegasi kemudian diraikan dalam majlis makan malam yang dihoskan oleh Dr Arif.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Dr Arif.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tun-m-terima-anugerah-tertinggi-pakistan-201933>